

DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

Shah Alam, Selasa 10 Mac 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Penolong Setiausaha

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatulahi wataala Wabarakatuh dan salam sejahtera.* Aturan Urusan Mesyuarat Kali Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua belas pada 10 Mac 2009 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: PROKLAMASI OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 10 Mac 2009 hingga 13 Mac 2009 dan 16 Mac 2009 hingga 17 Mac 2009 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 10 hari bulan Februari 2009.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

TUAN SPEAKER : Ahli - ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-Dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

SETIAUSAHA DEWAN : Keberangkatan Masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor diiringi oleh Tuan Speaker.

Dengan segala hormatnya dijemput Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor untuk menyembahkan Titah Ucapan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

III. TITAH UCAPAN DYMM SULTAN SELANGOR

TUAN SPEAKER : Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Bismillahirrahmannirrahim;

Segala puji dan sanjungan hanya berhak kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang melimpahkan kasih sayang-Nya yang maha luas hingga tidak terbatas ruang dan waktu. Selawat dan salam semoga senantiasa tercurah kepada junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam, dan melimpah kepada segenap keluarga dan para sahabat Baginda serta kepada seluruh umatnya yang berketetapan mengikuti tuntunannya hingga akhir zaman.

Assalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera;

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat Beta sekali lagi bertitah di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Ke-Dua Belas pada pagi yang mulia ini.

Beta menggunakan kesempatan yang berharga ini bagi mengucapkan tahniah kepada semua wakil rakyat yang berjaya mentadbir negeri ini genap satu tahun. Beta berharap semua yang terhormat terus menjalankan amanah dan kepercayaan rakyat Beta dalam kepemimpinan negeri yang diketuai oleh Memanda Beta Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid Bin Ibrahim.

Beta pasti semua yang ada di sini berbangga menjadi warga Negeri Selangor, negeri terkaya di dalam negara, yang mempunyai kemajuan sosioekonomi yang mengagumkan dan merupakan nadi penggerak kepada Malaysia. Meskipun ada kelemahan yang mesti diatasi, namun negeri Beta ini telah meneruskan usaha mencapai matlamat masyarakat yang maju dengan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik. Namun, prinsip yang paling

penting ialah demokrasi. Demokrasi bermakna rakyatlah yang menentukan hala tuju masyarakat mereka. Pandangan rakyat merupakan petanda terbaik berjaya atau tidak pentadbiran sesebuah negeri. Sudah semestinya prinsip ini dilengkapkan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri yang semua seharusnya sudah sedia maklum.

Beta menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik, (*good governance*) dalam semua pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan bagi Negeri Selangor. Ini termasuklah sistem integriti dan akauntabiliti yang sedia wujud dalam kepimpinan Negeri Selangor ini dan Beta berharap sistem ini hendaklah terus diamalkan. Oleh itu, Beta dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Khas Kewibawaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Select Committee Competency, Accountability And Transparency*) atau "SELCAT", terus bergerak ke hadapan bagi memastikan tercapainya piawai kebertanggungjawaban tertinggi. Pada masa hadapan, Beta menaruh keyakinan kerajaan negeri akan melaksanakan secepat mungkin Pengisytiharan Aset semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam usaha meletakkan Selangor di hadapan daripada aspek pelaksanaan tadbir urus yang baik. Pengisytiharan aset ini sewajarnya boleh dicapai orang ramai secara 'online'.

Beta memandang tahun 2009 merupakan tahun yang paling mencabar dalam usaha negara kita mengharungi senario ekonomi global yang tidak menentu kesan kejatuhan ekonomi kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Negara-Negara Eropah, China Dan Jepun. Beta amat memandang serius terhadap permasalahan rakyat terutamanya dalam usaha mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kebajikan. Sehubungan dengan itu, kerajaan Beta perlu memberi tumpuan lebih bagi memastikan prestasi ekonomi yang terus stabil, meningkatkan kualiti hidup rakyat Beta, memberi perubahan kepada pembangunan, modal insan dan pendidikan yang cemerlang serta kesihatan yang baik untuk rakyat Beta.

Sekarang beta menyentuh keadaan prestasi ekonomi bagi tahun 2009. Beta sedikit gusar, namun Beta tetap berpuas hati dengan prestasi ekonomi Negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju yang memperlihatkan satu pertumbuhan menyeluruh yang sederhana tetapi konsisten seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun ini, ekonomi Negeri Selangor bakal terus dipengaruhi oleh suasana ketidaktentuan ekonomi dunia akibat masalah hutang subprima yang berpunca daripada kejatuhan harga hartanah di Amerika Syarikat yang memberi kesan terhadap institusi kewangan terkemuka seperti Bear Stearns, Lehman Brothers, Royal Bank Of Scotland dan beberapa institusi kewangan lain. Krisis kewangan global ini dijangka berpanjangan sehingga tahun 2010. Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak telah mengumumkan pada 18 Januari 2009 yang lalu bahawa unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak tiga perpuuluh lima peratus (3.5%) sebelum ini mungkin perlu dikaji semula sekiranya pertumbuhan di negara-negara lain turut menguncup.

Justeru, kerajaan Beta menganggarkan pertumbuhan ekonomi tahun 2009 bakal menguncup. Nilai tambah KDNK negeri pada harga malar tahun 2000, dianggarkan sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lapan Belas Perpuuluh Dua bilion (RM118.2 bilion) pada tahun 2009 berbanding dengan hanya Ringgit Malaysia Seratus Sebelas

Perpuluhan Lapan bilion (RM111.8 bilion) pada 2008. Manakala pendapatan per kapita rakyat Beta diramalkan meningkat dari Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Ribu Enam Puluh Satu (RM22,061) pada tahun 2008 kepada Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Empat (RM22,824) pada tahun 2009. KDNK per kapita Pariti Kuasa Beli (PPP) pula dijangka meningkat kepada U.S. Dollar Sembilan Belas Ribu Tujuh Ratus Sembilan Puluh Lapan (USD19,798) pada tahun 2009 berbanding U.S. Dollar Lapan Belas Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh Enam (USD18,836) pada tahun 2008.

Beta berharap prestasi ini dapat dipertingkatkan dan diterjemahkan terhadap pembangunan menyeluruh kepada rakyat Beta. Beta berharap angka ini perlu dipantau dan disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi ekonomi negeri berada pada landasan yang betul dan realistik. Beta ingin memastikan Negeri Selangor terus maju dan kemakmuran terus dikecapi oleh rakyat. Justeru itu, marilah kita bersama-sama bersatu padu dan berdiri teguh dalam usaha menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran yang bakal mendatang agar berhasil membawa kesejahteraan dan kebajikan kepada seluruh rakyat.

Sehubungan dengan ini, walaupun status ekonomi Negeri Selangor agak stabil, ia tidak menolak kemungkinan berlakunya kemelesetan ekonomi seiring dengan impak negatif yang diterima Malaysia pada tahun ini. Memandangkan Selangor merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi negara, maka kesan kemelesetan atau kegawatan ekonomi turut memberikan impak besar kepada Negeri Selangor. Justeru itu, Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia mestilah mengenal pasti implikasi mendalam terhadap kemelesetan ekonomi dan bertindak dengan sewajarnya. Sesungguhnya, dasar kerajaan sudah semestinya bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

Kerajaan juga bertanggungjawab untuk mempedulikan keperluan rakyat dan memastikan bebanan yang mereka hadapi diringankan sebanyak mungkin. Kerajaan Negeri Selangor seharusnya menyedari peranan mereka bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini, dengan memberi tumpuan kepada dua strategi utama: Memacu pertumbuhan ekonomi dengan matlamat ekonomi yang makmur dan efisien, dan seterusnya memperkenalkan sistem jaringan membantu rakyat menghadapi ekonomi yang semakin mencabar. Objektif utama ialah bagi ekonomi yang mapan (*'sustainable economy'*) sejajar dengan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor. Kerajaan mengimpikan agar tidak seorang pun rakyat akan ketinggalan menikmati kekayaan Negeri Selangor.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan jawatankuasa menangani masalah pemberhentian pekerja pada bulan Januari 2009 untuk mencadangkan cara membantu meringankan beban pekerja-pekerja di Selangor yang telah diberhentikan. Beta dimaklumkan bahawa mesyuarat yang diadakan seminggu sekali ini telah berjalan dengan lancar, di mana maklumat dapat dikongsi di antara pihak-pihak yang hadir dalam mesyuarat itu, khasnya meningkatkan tahap kesedaran berkaitan impak kemelesetan ekonomi di kalangan rakyat serta impak kelesuan ekonomi terhadap pekerjaan di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor telah bertindak dengan cepat, di mana *Selangor Retrenchment Helpline* di Laman Web Selangor telah dilancarkan *online* pada bulan Februari 2009, di mana sesiapa pekerja yang diberhentikan boleh mencari pekerjaan baru dengan majikan yang ada jawatan kosong. Selain daripada itu, program pendaftaran pekerja yang diberhentikan juga telah dilancarkan pada setiap hari Sabtu di lapan buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor. Maklumat yang

mereka perolehi akan disampaikan kepada Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Selangor.

Untuk tindakan seterusnya, sambil Kerajaan Negeri Selangor mendaftarkan informasi mereka dalam *Retrenchment Helpline*, "*Job Fair*" dan "*Job Clinic*" juga akan dilancarkan untuk tujuan membolehkan pekerja yang diberhentikan mencari pekerjaan baru dan diberi latihan kaunseling sedemikian, dan senarai pusat dan institusi latihan diberikan kepada mereka yang memerlukan latihan vokasional dalam bidang-bidang tertentu seperti elektronik, telekomunikasi, automotif, pembuatan, dan lain-lain lagi.

Beta seterusnya ingin menghuraikan dengan lebih lanjut tentang tiga sektor ekonomi utama di negeri ini, iaitu Sektor Perindustrian, Sektor Perkhidmatan dan Sektor Pertanian:

Dalam Sektor Perindustrian, Beta sedia maklum bahawa Sektor Perindustrian merupakan penyumbang utama ekonomi Negeri Selangor dan merupakan nadi pertumbuhan ekonomi negara. Beta amat berharap sektor ini dapat terus dipacu bagi meningkatkan lagi prestasinya. Beta menjangkakan sumbangan sektor ini mampu menyumbang lebih Lima Puluh Lapan Peratus (58%) kepada KDNK negeri pada tahun 2009. Berdasarkan anggaran pertumbuhan Sektor Perindustrian negara yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Sektor Perindustrian ini mampu mengalami pertumbuhan pada kadar Tiga Perpuluhan Tujuh peratus (3.7%) dengan nilai sumbangan KDNK negeri dijangka berjumlah sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Satu Perpuluhan Enam Bilion (RM71.6 bilion) sahaja.

Beta mahu memastikan negeri Beta tetap menjadi tumpuan utama pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan. Ini terbukti apabila jumlah pelaburan dalam dan luar negeri yang mengalir ke Selangor kekal melebihi Ringgit Malaysia Lapan bilion setahun. Sehingga Oktober 2008, nilai pelaburan yang berjaya diperoleh oleh negeri Selangor adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Perpuluhan Tujuh Tiga bilion (RM7.73 bilion). daripada jumlah tersebut sebanyak Ringgit Malaysia Lima Perpuluhan Lima Lima bilion (RM5.55 bilion) iaitu Tujuh Puluh Satu Perpuluhan Tujuh Peratus (71.7%) merupakan pelaburan asing dan Ringgit Malaysia Dua Perpuluhan Satu Lapan bilion (RM2.18 bilion) iaitu Dua Puluh Lapan Perpuluhan Dua Peratus (28.2%) merupakan pelaburan tempatan. Malah, menurut Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Selangor telah menarik pelaburan sebanyak Ringgit Malaysia Sebelas Perpuluhan Lapan Tujuh bilion (RM11.87 bilion), meletakkan negeri Beta di tempat kedua di Malaysia. Ini merupakan nilai pelaburan terbesar dalam sembilan tahun kebelakangan ini.

Ini termasuklah Tiga Ratus Dua (302) projek pelaburan, Dua Ratus Dua (202) projek pelaburan baru bernilai Ringgit Malaysia Enam Perpuluhan Tiga Lima Tiga bilion (RM6.353 bilion) dan Seratus (100) perluasan dan diversifikasi projek bernilai Ringgit Malaysia Lima Perpuluhan Lima Satu Tujuh bilion (RM5.517 bilion). Negara Jerman membawa pelaburan terbesar, sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Perpuluhan Dua bilion (RM3.2 bilion) pada tahun 2008. Industri logam dan fabrikasi logam menarik pelaburan terbesar di negeri Beta, sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Perpuluhan Sembilan Tiga bilion (RM3.93 bilion) dengan lapan belas (18) projek pelaburan.

Dalam sektor perindustrian ini, Beta juga berharap Negeri Selangor menumpukan perindustrian terpilih sahaja seperti industri berasaskan teknologi maklumat dan bukan

perindustrian yang menyumbang kepada risiko pencemaran alam. Kerajaan Beta perlu menyediakan prasarana pelaburan dan kawasan industri baru yang kondusif dan strategik di luar Lembah Klang bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan di semua kawasan di Selangor seperti di kawasan Lembah Klang Ke-2 dan *Selangor Science Park 2*.

Dalam Sektor Perkhidmatan, Beta turut berkeyakinan Sektor Perkhidmatan mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negeri. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK negeri sebanyak tiga puluh lapan peratus (38%) telah membuktikan sektor ini akan terus memainkan peranan memangkinkan pertumbuhan ekonomi sebuah negeri maju. Negeri Selangor dijangka mencatatkan peningkatan nilai ditambah Sektor Perkhidmatan kepada Ringgit Malaysia Empat Puluh Tujuh Perpuhulan Lapan bilion (RM47.8 bilion) pada tahun 2009 berbanding Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Perpuhulan Dua (RM45.2 bilion) pada 2008.

Beta ingin menegaskan hakikat bahawa sektor perkhidmatan semestinya akan terus berkembang, memandangkan ekonomi di negara maju di seluruh dunia, sektor perkhidmatan merangkumi sehingga tujuh puluh peratus (70%) ke lapan puluh peratus (80%) ekonomi. Selangor, selaku negeri paling maju di Malaysia seharusnya meneraju perkembangan ini dengan meningkatkan peratusan sektor perkhidmatan sehingga mencapai tahap ekonomi negara maju. Agar hasrat ini menjadi realiti, kerajaan Negeri Selangor perlu pendekatan baru bagi menghadapi realiti ini dengan memperkenalkan cara-cara perniagaan yang inovatif.

Rakyat negeri perlu memahami sektor perkhidmatan secara menyeluruh, bagaimana menambah nilai terhadap aktiviti-aktiviti sedia ada dan perbezaannya dengan sektor pembuatan. Walaupun Kerajaan Persekutuan memainkan peranan utama dalam perkara ini, namun Beta menyarankan Kerajaan Negeri dan Persekutuan berbincang pada peringkat tertinggi bagi mendapat manfaat rakyat Beta dalam hal ini.

Beta mahu strategi yang tepat perlu dilakukan bagi menarik pelancong ke Negeri Selangor dengan memfokuskan kepada Pelancongan Kesihatan (*Health Tourism*), Pelancongan Pendidikan (*Education Tourism*), Membeli Belah (*Shopping*) dan Perkhidmatan Perubatan. Beta dimaklumkan pada sehingga Oktober 2008 seramai empat perpuhulan lapan juta pelancong telah melawat Negeri Selangor dan mensasarkan kedatangan pelancong pada tahun 2009 melebihi lima juta orang.

Kerajaan Beta perlu terus berusaha untuk mengikuti program-program promosi dalam dan luar negara yang dijalankan oleh Tourism Malaysia untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Selangor. Di samping itu juga, Tourism Selangor perlu memberi tumpuan kepada pasaran produk yang dapat menarik lebih ramai pelancong dengan memperkenalkan Selangor sebagai pusat pelancongan pendidikan dan kesihatan, meningkatkan pelancongan warisan dan kebudayaan, rekreasi seperti eko pelancongan serta menyelaraskan pakej pelancongan *Homestay* agar lebih menarik dengan pelbagai aktiviti dijalankan.

Beta berharap program-program penggalakan bagi Sektor Perkhidmatan yang berterusan dilakukan yang melibatkan sektor perkhidmatan baharu seperti berikut: (*we should focus on just two or three of the below*)

- a) Perkhidmatan Perniagaan Dan Profesional
(*Business And Professional Services*);
- b) Perkhidmatan Logistik Berintegrasi
(*Integrated Logistic Services*);
- c) Perkhidmatan Pendidikan Dan Latihan
(*Education And Training Services*);
- (d) Perkhidmatan Perubatan
(*Medical Services*).

Selain program-program sedia ada, perkhidmatan baharu dan penghasilan perkhidmatan baharu hendaklah dikenal pasti. Beta berharap, pemulihan Sektor Perkhidmatan bakal turut menyumbang terhadap rancangan Kerajaan Negeri untuk memajukan sumber manusia dan meningkatkan pembangunan kemahiran menerusi latihan. Meningkatkan kualiti modal insan adalah amat penting bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang bermanfaat di masa hadapan. Dalam perkara ini, Beta ingin menekankan kepentingan bahasa dan komunikasi dalam usaha memajukan mana-mana sektor kecil perkhidmatan di Selangor.

Dalam Sektor Pertanian, Beta juga sangat berharap Sektor Pertanian akan terus diperkasakan dengan konsep pertanian moden (*modern agriculture*) walaupun sektor ini hanya menyumbang pertumbuhan sebanyak dua persepuluh tiga peratus (2.3%) pada tahun 2008 dan merupakan penyumbang terkecil KDNK negeri. Namun Beta percaya fungsi dan peranan Sektor Pertanian di Selangor amat penting sebagai penyedia sumber makanan dan sumber bahan mentah kepada perusahaan asas tani serta sumber pendapatan golongan petani khususnya di kawasan luar bandar. Nilai tambah sektor ini dijangka meningkat kepada Ringgit Malaysia Dua Persepuluh Empat Lapan bilion (RM2.48 bilion) berbanding hanya Ringgit Malaysia Dua Persepuluh Empat Dua bilion (RM2.42 bilion) pada 2008. Matlamat menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan perlulah diteruskan dan berteraskan *knowledge base* yang boleh mendatangkan keuntungan berlipat kali ganda kepada petani.

Beta berharap kerajaan Beta mencari alternatif untuk meningkatkan taraf hidup golongan petani kepada kehidupan yang lebih selesa dan hasrat pertanian satu perniagaan perlu dibuktikan hasilnya. Pertanian masa kini perlu memfokuskan pertanian berteknologi moden, berskala besar dan berorientasikan eksport bagi meningkatkan kualiti dan produk pertanian bermutu tinggi. Selain itu, kerajaan Beta amat serius meneruskan program bantuan kepada golongan petani, penternak dan nelayan yang berpendapatan kurang dari Ringgit Malaysia Seribu Lima Ratus (RM1,500) sebulan. Bagi golongan petani, penternak dan nelayan yang sedang memulakan usaha pertanian dan pendapatan mereka pula melebihi Ringgit Malaysia Seribu Lima Ratus (RM1,500) sebulan, maka mereka dibantu untuk meningkatkan produktiviti agar memperoleh pendapatan melebihi Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sebulan.

Satu lagi inisiatif baru yang memperlihatkan kerjasama rapat kerajaan negeri dan persekutuan ialah "Pelaksanaan Program Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor (2009-2010)". Program ini akan membolehkan objektif Negeri Selangor mengeluarkan tujuh

perpuluhan lima (7.5) tan sehektar menjelang 2012 daripada paras lima perpuluhan satu (5.1) tan sehektar hari ini. Program ini akan diwujudkan melalui tiga pendekatan, iaitu memperkasakan pembangunan modal insan, meningkatkan kecekapan pengairan dan saliran, dan memperkasa amalan teknologi tanaman padi terkini dan moden. MARDITECH telah dilantik sebagai agensi pemantau dan penasihat program ini kepada kerajaan Negeri Selangor. Jangka masa program ini adalah dua tahun dari Februari 2009 hingga Disember 2010, dan proses pelaksanaannya telah bermula.

Selain program bantuan untuk golongan petani, penternak dan nelayan, keluarga pekerja ladang juga tidak diabaikan. Selama ini anak-anak pekerja ladang di seluruh Selangor sering ketinggalan dan diabaikan pelajarannya, maka tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang turut diwujudkan. Program ini termasuk pelan untuk membina asrama penempatan untuk anak-anak dan pendidikan mereka juga akan dijaga selengkapnya. Beta amat gembira dengan keprihatinan kerajaan negeri dalam menangani peminggiran masyarakat pekerja ladang.

Program-program latihan, bantuan kewangan dan khidmat nasihat perlu diperbanyakkan dan diagihkan secara adil dan meluas, Beta mahu petani hidup selesa dan momokan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' perlu dihapuskan kerana Beta percaya pertanian mempunyai prospek yang baik dalam pembangunan Negeri Selangor.

Tentang hala tuju perancangan dan pembangunan negeri Selangor sehingga tahun 2025, Beta dimaklumkan hala tuju perancangan dan pembangunan Negeri Selangor 2025 dibentuk berdasarkan wawasan, pemikiran serta usaha yang bermatlamatkan pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik iaitu pembangunan yang menggabungkan secara komposit faktor jasad, akal dan roh. Teras utama misi ini berintegrasi nilai afektif dan kerohanian dalam perancangan dan pembangunan. Nilai afektif dan kerohanian ini pula adalah hasil daripada jalinan hubungan yang menjadi asas sesuatu masyarakat iaitu hubungan manusia dengan pencipta, hubungan manusia dengan manusia; dan hubungan manusia dengan persekitaran termasuk alam sekitar.

Beta bangga Negeri Selangor dapat ke hadapan daripada negeri-negeri lain dalam memacu pembangunan dan dalam masa sama sentiasa dalam kedudukan teratas dalam persaingan untuk meraih kesejahteraan ekonomi. Pencapaian membanggakan ini perlulah disertai dengan komponen kerohanian, emosi dan sosiobudaya agar generasi dan masyarakat yang bakal dilahirkan mempunyai nilai kerohanian yang kental dan bersahsiah mulia. Jati diri dan maruah negara dan negeri akan dibina melalui ketabahan serta kejayaan dalam mengatasi pelbagai cabaran berdasarkan prinsip, nilai dan agama setiap rakyat di Negeri Selangor.

Beta berharap keazaman untuk menjadi sebuah negeri yang menjadi idaman, maju, sejahtera dan berkebakikan akan kekal utuh walaupun pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu dihadapi.

Beta difahamkan, Bajet Tahun 2009 Negeri Selangor ini juga merupakan bajet tahun keempat dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9. Namun, Bajet 2009 ini berlainan daripada Bajet 2008 yang dibentangkan pada tahun 2007, kerana terdapat pelbagai program dalam agenda "**Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor**". Antara program agenda mes ialah tabung warisan anak Selangor, bekalan air percuma, hadiah

anak masuk universiti, tabung mesra usia emas, tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang, pengendalian industri pasir untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan seterusnya memastikan sistem pengagihan dilaksanakan dengan cekap, adil, telus dan berhemah.

Sebanyak lima strategi ditetapkan dan mahu dilaksanakan dalam Bajet 2009, bersesuaian dengan tema bajet yang tertumpu pada agenda “Merakyatkan Ekonomi Selangor”.

- Pertama:** Merakyatkan Ekonomi Selangor (Mes);
- Kedua:** Mempertingkatkan Hasil Pendapatan Negeri;
- Ketiga:** Memperkasa Modal Insan;
- Keempat:** Menguruskan Perbelanjaan Dengan Cekap; Dan
- Kelima:** Memantapkan Pembangunan Negeri Selangor.

Konsep merakyatkan ekonomi Selangor berlandaskan premis ‘kediaman untuk semua’, di mana setiap warga Selangor sewajarnya dijamin kediaman sama ada perumahan ataupun tempat berteduh yang mencukupi. Kerajaan negeri berhasrat menerusi program ini untuk melahirkan rasa kekitaan yang sepatutnya setiap rakyat ada terhadap negeri mereka.

Satu lagi prinsip asas merakyatkan ekonomi Selangor adalah berdasarkan ekonomi rakyat, di mana keuntungan dan hasil negeri Beta akhirnya digunakan untuk manfaat rakyatnya. Justeru, ini akan mewujudkan negeri yang mesra perniagaan yang memastikan jaringan sosial wujud bagi kebajikan rakyatnya. Ini merupakan perbezaan drastik dari konsep lazim perniagaan, dan Beta amat berpuas hati kerajaan negeri Beta menjadikan pendekatan ini sebagai falsafah ekonomi Selangor. *Management of the state that I am glad the state government is carrying out.*

Beta merasakan perlu adanya pendekatan baru bagi menyelesaikan masalah kemiskinan bandar, yang mesti mengambil kira akses kepada peluang, sumber, pendidikan dan kemudahan yang mencukupi. Ini merupakan hak asas yang harus memperkasakan bagi golongan miskin. Kerajaan negeri seharusnya menjadikan matlamat jangka panjang mereka untuk mengembalikan kebolehan membuat keputusan dan melibatkan diri di dalam sosioekonomi negeri kepada rakyat Beta. Tiada maknanya hidup di negeri terkaya di Malaysia tetapi terasing dari keputusan yang menentukan kehidupan mereka dan keluarga mereka.

Dalam pembangunan perumahan, Beta sedar masalah rumah kediaman menjadi agenda utama kerajaan Beta bagi menyediakan rumah yang selesa dan kondusif, sesuai dengan pendekatan perumahan untuk semua kerajaan negeri Beta berharap program perobohan kawasan setinggan memerlukan sebuah pelan tindakan khas yang menggabungkan keupayaan PBT dan agensi kerajaan dalam menyediakan kediaman sementara.

Beta berpendapat peruntukan dana dan kawasan khas untuk pembinaan *council home* bagi tujuan penempatan sementara perlu disediakan dan di selaras dengan program penempatan semula setinggan dan dicadangkan dibina di dalam kawasan setinggan atau di kawasan berhampiran. Selain itu program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR)

juga perlu difikirkan kerana ramai rakyat Beta yang tinggal di kawasan bandar amat tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi terutama untuk memiliki rumah.

Perumahan kos rendah di bandar seharusnya diberi perhatian yang lebih teliti. Selangor merupakan negeri dengan bilangan penempatan setinggian yang terbesar, dengan dua ratus empat puluh lapan (248) dari kira-kira seribu (1000) penempatan setinggian di seluruh negara. Masalah yang timbul termasuklah kekurangan bekalan air dan sistem kumbahan, atau akses kepada perkhidmatan perubatan.

Bagi memenuhi hak perumahan rakyat, Beta merasakan beberapa langkah perlu diambil. Pertama, perundingan dan dialog yang bermakna seharusnya ditekankan antara peneroka bandar mengenai isu dan masalah yang mereka hadapi. Kedua, penyelesaian konstruktif boleh diperolehi dari kerajaan negeri bagi membincangkan cara-cara terbaik dan munasabah bagi menyediakan perumahan yang mencukupi. Ketiga, perumahan alternatif yang disediakan mestilah memenuhi piawai kualiti yang ketat, dibekalkan dengan infrastruktur yang mencukupi seperti lampu jalan, kemudahan pembuangan sampah, jalan masuk, dewan masyarakat, tadika dan rumah-rumah ibadat bagi masyarakat pelbagai kaum.

Negeri Selangor sudah sampai ke satu peringkat di mana pengiktirafan hak semua warga Selangor merupakan prinsip asas kerajaan negeri Beta. Ini teramat penting dalam melibatkan tanah masyarakat Orang Asli. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, masyarakat orang asli melalui penghakisan identiti. Sudah tiba masanya hak asasi mereka sebagai manusia dikembalikan dengan menyelesaikan masalah tanah yang sudah wujud sekian lama. Beta ingin menekankan perlunya mengiktiraf dan memelihara tanah Orang Asli yang telah dirampas daripada mereka beberapa tahun kebelakangan ini. Kita mesti mempercepatkan proses mengenal pasti dan menggazet tanah mereka. Mereka mesti diberi tanah yang mereka berhak dan sepatutnya miliki.

Beta difahamkan kerajaan negeri telah berjaya mengadakan sesi perbincangan dengan masyarakat Orang Asli baru-baru ini dan Beta ingin menggalakkan perbincangan terbuka sedemikian diteruskan bagi memastikan persetujuan di samping kerjasama Orang Asli diperolehi sebelum apa-apa tindakan diambil kerajaan negeri. Masyarakat Orang Asli mempunyai sejarah yang kaya-raya dengan budaya, adat, nilai dan perspektif yang tidak seharusnya dikorbankan di atas nama pembangunan.

Dalam bidang pendidikan, Beta yakin pendidikan yang sempurna mampu mengubah kehidupan sesebuah keluarga seterusnya menyediakan modal insan yang kamil dalam mempertahankan negeri maju. Kerajaan Beta telah dilengkapi dengan infrastruktur kemudahan pembelajaran yang baik di tujuh ratus sembilan belas (719) buah sekolah bermula dari peringkat pra sekolah sehinggalah ke sekolah menengah. Persekitaran sekolah yang selesa dan selamat di samping para pendidik yang berdedikasi menjadi faktor penting kejayaan pembinaan modal insan cemerlang di peringkat sekolah. Beta mahu nisbah guru dan murid perlu munasabah dan tidak terlalu ramai di dalam satu-satu kelas membolehkan penyaluran ilmu pembelajaran lebih berkesan. Alhamdulillah, di Selangor nisbah guru dengan murid adalah amat baik iaitu satu nisbah lapan belas (1:18) kerana kesannya pasti murid-murid akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan yang diambil.

Kerajaan negeri Beta juga baru meluluskan program memberikan tuisyen percuma kepada kanak-kanak kurang bernasib baik daripada keluarga berpendapatan rendah.

Sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Perpuuhan Empat Lima juta (RM3.45 juta) diperuntukkan untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khusus kepada pelajar daripada keluarga pendapatan kurang Ringgit Malaysia Seribu Lima Ratus (RM1500). Setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) diminta mengambil seratus (100) pelajar ini sebagai anak angkat dan ini akan dipastikan berjaya. Laporan pencapaian akademik mereka patutlah dikemukakan kepada sekretariat EXCO pendidikan. Program ini berada pada peringkat akhir pelaksanaan, dengan mengenal pasti perunding dan penyelia tuisyen DUN. Beberapa kawasan sudah pun memulakan tuisyen ini, dan ia akan diserap ke dalam program kerajaan negeri misalnya DUN Selat Klang, Seri Setia, Taman Medan, Pelabuhan Klang, Meru, Hulu Klang, Cempaka dan Batu Tiga.

Beta juga amat menekankan pendidikan agama di peringkat awal lagi bagi meningkatkan ilmu Fardhu Ain dan kefahaman Islam yang mendalam kepada anak-anak umat Islam di Selangor. Beta berpuas hati dengan infrastruktur pendidikan agama dan sehingga kini Negeri Selangor mempunyai sejumlah dua belas (12) buah Pra Sekolah, dua ratus (200) buah Sekolah Rendah Agama, sepuluh (10) buah Sekolah Rendah Agama Integrasi dan dua ratus lapan puluh lapan (288) buah Sekolah KAFA Integrasi dan dua (2) buah Mahad Integrasi Tahfiz serta dua puluh tiga (23) buah Sekolah Agama Menengah.

Beta berharap konsep pendidikan yang menyeluruh dan seimbang antara ilmu, aktiviti kokurikulum serta agama diberi penekanan dan bukan hanya penekanan terhadap peperiksaan semata-mata bagi melahirkan rakyat pelapis yang berkualiti di negeri Beta ini. Beta mahu rakyat Beta mempunyai tanggungjawab menjaga negeri ini dan meneruskan kesinambungan kemajuan negeri.

Dalam bidang keselamatan, perkara yang amat merisaukan Beta ketika ini ialah masalah jenayah di Selangor yang sedang meningkat dan faktor pemberhentian kerja turut menyumbang kepada masalah ini. Kes-kes jenayah yang menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kadar jenayah di Selangor ialah kes rogol, cabul kehormatan, samun berkawan senjata api, pemerasan, ugutan jenayah, merusuh, mencederakan, curi kereta / motosikal, ragut dan pecah rumah. Sehubungan itu, Beta memberi kepercayaan penuh kepada pihak polis untuk membendung masalah jenayah di Selangor dari terus meningkat. Rondaan pasukan polis secara kerap di kawasan-kawasan berisiko tinggi juga perlu dipergiatkan lagi di samping program Rukun Tetangga di kawasan perumahan diaktifkan semula sebagai usaha mengurangkan kejadian jenayah yang tidak diingini.

Beta juga dimaklumkan sehingga kini terdapat seratus enam (106) buah balai polis dan enam puluh tiga (63) buah pondok polis di Negeri Selangor. Bagi meningkatkan keselamatan dengan lebih berkesan, perancangan secara proaktif telah diambil dengan mewujudkan balai-balai polis baru di kawasan-kawasan taman perumahan secara berfasa. Seiring dengan itu, anggota polis juga perlu ditambah dalam mengimbangi nisbah penduduk Negeri Selangor yang paling ramai di Malaysia dalam menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat Beta. Di samping itu, Beta turut menyarankan skim gaji dan upah polis dikaji semula, seiring dengan pengorbanan dan sumbangan mereka yang berkhidmat untuk negara kita yang tercinta. Mereka menggadaikan nyawa mereka setiap kali melaksanakan tugas bagi menjamin keselamatan kita semua.

Beta turut ingin mencadangkan pihak-pihak berkuasa tempatan mengkaji penubuhan polis bantuan bagi menyokong dan melengkapinya inisiatif baik yang telah diambil oleh pihak Polis Di-Raja Malaysia dalam memerangi jenayah dan meningkatkan keselamatan, apatah lagi memandangkan mereka menghadapi kekurangan pegawai. Menerusi sebuah pasukan sokongan yang dilatih secara menyeluruh dengan kualiti yang tinggi, keselamatan rakyat Selangor akan menjadi semakin terjamin. Beta ingin menekankan pentingnya kerjasama antara kerajaan negeri Beta dengan Polis Di-Raja Malaysia. Beta difahamkan ada hasil positif dari pertemuan kedua-dua pihak dan Beta berharap interaksi membina ini akan diteruskan. Sememangnya penting bagi perhubungan yang baik dijalinan agar kedua-dua pihak dapat menyokong satu sama lain bagi matlamat bersama. Mungkin ini masa yang sesuai untuk mengingatkan semua tentang falsafah kepolisan, serta peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh polis di dalam masyarakat. Pihak polis diberikan satu amanah yang cukup besar iaitu tanggungjawab penting bagi memastikan keselamatan rakyat,.

Pihak polis juga perlu memelihara keamanan dengan memerangi jenayah selaras dengan undang-undang. Dalam menjalankan tugas tersebut, Beta merasakan perhatian harus diberikan kepada menegakkan keadilan, memelihara integriti, kebebasan, ketelusan dan bertanggungjawab. Apabila objektif-objektif ini dipenuhi, Beta yakin, kredibiliti pihak polis akan pulih dan rakyat akan memberi sokongan penuh bagi polis menjalankan tugas mereka.

Dalam usaha untuk meningkatkan hasil pendapatan, Beta difahamkan bahawa pelbagai usaha telah dibincangkan dalam meningkatkan hasil pendapatan negeri di pembentangan Bajet 2009. Beta mahu semua usaha itu dilaksanakan mengikut perancangan agar kewangan negeri tetap kukuh dan stabil. Kerajaan negeri telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd (KSSB) yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan dan memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir. Dijangkakan royalti bahan batuan berjumlah Ringgit Malaysia Lima Puluh juta (RM50 juta) diperoleh oleh kerajaan negeri pada tahun 2009. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak lebih dua kali ganda daripada jumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh juta (RM20 juta) yang diperoleh pada tahun 2007 dan 2008.

Seterusnya, Beta difahamkan terdapat beberapa program yang dikenal pasti dapat memberi pulangan kepada kerajaan negeri. Antara program dan aktiviti tersebut, termasuklah:

- a) Kajian Semula Kadar Caj Abstraksi Air Mentah, Yang Selaras Dengan Kenaikan Kadar Tarif Air Berawat;
- b) Perlesenan Bahan Pencemar (*Effluent Discharge*) Dan Perlaksanaan Konsep "*Let Polluters Pay!*"; Dan
- c) Program Rakan Pintar (*Smart Partnership*) Bersama PBT, NGO Dan Swasta.

Mengenai industri air Beta dimaklumkan bahawa kerajaan Beta sedang menyusun semula industri ini dan proses rundingan belum lagi selesai pada masa sekarang. Beta faham industri air ini teramat kompleks dan melibatkan banyak analisa kewangan. Oleh itu Beta berharap harga yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi air berpatutan dan sesuai bagi memudahkan rundingan. Beta ingin menegaskan disini bahawa air amat perlu dalam kehidupan seharian dan merupakan keperluan asas.

Justeru itu Beta ingin mengingatkan supaya masalah air ini hendaklah diselesaikan segera, demi untuk kesejahteraan rakyat. Beta tidak mahu melihat rakyat Beta sengsara mengalami kekurangan air akibat daripada kelewatan menyelesaikan masalah ini.

Dalam usaha memperkasa modal insan, Beta mahu Pembangunan Modal Insan (PMI) dijadikan agenda penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negeri secara berterusan yang meliputi aspek jangka hayat, pengetahuan, taraf kehidupan masa kini, penyertaan sosial dan keupayaan yang membolehkan mereka mencapai matlamat hidup. Program PMI ini dapat melahirkan modal insan yang mempunyai kepakaran pelbagai bidang yang cemerlang, melahirkan modal insan yang kreatif '*driving force*' perkembangan ekonomi negeri, membimbing sikap tolak-ansur dan saling memahami antara pelbagai budaya dan kaum. Sementara itu, lima teras dalam model pembangunan insan akan diperkenalkan iaitu; Spiritual, Fizikal, Intelektual, Emosi dan Sosial atau singkatannya program *SPIES*.

Beta mahu program *SPIES* dapat melahirkan insan yang cemerlang secara holistik dimanifestasikan secara zahir melalui keberkesanan atau kecekapan sosial, perhubungan interpersonal, mengurus konflik dengan baik, pemangkin perubahan atau dapat mendorong orang lain. Ciri-ciri ini tidak dapat dicapai tanpa kepintaran emosi, intelek dan keadaan fizikal yang baik. Keberkesanan peribadi ini harus berlandaskan nilai-nilai spiritual dan moral yang murni. Terdapat lima (5) golongan sasaran yang perlu diberi perhatian dalam program *SPIES* iaitu :

- (i) Kanak-Kanak Dan Remaja
- (ii) Institut Pengajian Tinggi
- (iii) Belia
- (iv) Masyarakat Dan
- (V) Kepimpinan.

Dalam pembangunan wanita dan ibu tunggal, Beta mahu golongan wanita dan ibu tunggal diberi perhatian kerana mereka ini menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri. Beta berharap pelan tindakan dirangka bagi meningkatkan penglibatan wanita-wanita Selangor dalam bidang keusahawanan dan kemahiran agar dapat meneruskan kehidupan tanpa terlalu bergantung pada bantuan semata-mata. Dianggarkan bilangan ibu tunggal melebihi tujuh ribu lima ratus (7,500) orang dan mereka ini perlu dilibatkan secara adil dan menyeluruh di dalam pembangunan dan kemajuan negeri selaras dengan kemajuan Negeri Selangor.

Beta difahamkan, pemberian elaun untuk golongan ibu tunggal di Negeri Selangor akan dilaksanakan di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor Fasa 2. Pangkalan data ibu tunggal atau lebih dikenali sebagai 'Portal E-Bu' juga telah diwujudkan bersama dengan Pusat Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Malaysia dan agensi-agensi lain bagi memudahkan penyelarasan dan pemantauan bantuan dapat dilaksanakan. Selain itu, Pelan Tindakan Wanita Selangor turut memberi fokus kesedaran wanita dalam bidang perundangan, kesihatan dan keluarga.

Beta berharap golongan kurang bernasib baik seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak tidak akan diabaikan. Pelan tindakan yang dirangka bagi membantu golongan ini termasuklah memberi bantuan yang sepatutnya mengikut jadual masa yang telah ditetapkan, menubuhkan perkampungan warga emas yang lengkap dengan segala kemudahan dan keperluan dan memperbanyakkan pusat-pusat asuhan kanak-kanak (*child care centre*) di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta.

Beta mahu perpaduan antara kaum di Negeri Selangor ini hendaklah semakin kukuh. Majoriti penduduk Negeri Selangor ialah kaum Melayu iaitu seramai dua perpuluhan lima juta (2.5 juta), diikuti kaum Cina seramai satu perpuluhan tiga juta (1.3 juta), kaum India kosong perpuluhan enam juta (0.6 juta) dan lain-lain kaum seramai lima puluh ribu orang. Justeru itu, keharmonian dan perasaan muhibah perlu terus diperkukuhkan dalam kalangan penduduk Negeri Selangor dengan menerapkan semangat hormat-menghormati dan kerjasama antara kaum. Beta tahu, walaupun usaha mewujudkan perpaduan kaum merupakan satu tugas yang amat berat, namun dengan adanya komitmen dan contoh terbaik di kalangan pengurusan tertinggi kerajaan Beta dan kerjasama rakyat Negeri Selangor, perpaduan kaum bukanlah satu perkara yang mustahil untuk dilaksanakan.

Beta merasakan teramat malang isu perkauman telah dipolitikkan di Malaysia. Beta ingin menegaskan perlunya semua rakyat Selangor mengubah paradigma mereka dalam perkara ini. Bukankah lebih baik sekiranya kita menekankan tentang persamaan antara kita, bukannya asyik bertegang lidah mengenai perbezaan kita. Nilai-nilai, dan prinsip asas yang dikehendaki oleh semua bangsa dan budaya seperti sifat-sifat mulia, ketinggian akhlak, bertanggungjawab, jujur, amanah dan dedikasi hendaklah dijadikan amalan. Dasar-dasar yang menjurus untuk semua rakyat Selangor dan tidak meminggirkan mana-mana pihak hendaklah dilaksanakan. Dalam pengetahuan Beta, Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha melaksanakan program-program yang dapat menyatupadukan rakyat. Beta berharap rakyat di Negeri Selangor ini dapat menghormati antara satu dengan yang lain dan seterusnya mengukuhkan perpaduan di antara kaum.

Dalam pembangunan belia dan sukan, Beta amat berharap golongan belia menjadi penyambung generasi mendatang dan merupakan aset yang amat berharga kepada kerajaan Beta. Oleh itu, mereka perlu diberi pengiktirafan meluas bagi memainkan peranan sebagai pemimpin dan pembuat dasar. Dianggarkan, sehingga empat puluh empat peratus (44%) komposisi penduduk Negeri Selangor terdiri golongan belia.

Rakyat seharusnya mengubah persepsi mereka dan tidak lagi merendahkan 'belia' sebagai kategori individu tidak matang, yang tidak boleh membuat keputusan atau lebih teruk lagi, cuma sebagai sumber masalah. Beta merasakan generasi muda hari ini bersedia menghadapi perubahan sekiranya diberi bimbingan dan latihan yang sewajarnya. Kerajaan negeri Beta mesti menggalakkan dan tidak menghalang idea inovatif dan kreatif yang dihasilkan generasi belia di dalam membawa Negeri Selangor ke tahap yang lebih baik.

Buat pertama kali setelah sekian lama, Negeri Selangor dan Malaysia amnya mempunyai wakil-wakil rakyat muda di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Berada pada usia dua puluhan dan tiga puluhan, generasi pemimpin muda ini sedang melakar masa depan baru untuk masyarakat, membuktikan generasi belia hari ini mempunyai tempat di dalam masa hadapan negara. Semangat patriotisme yang mereka tunjukkan

ini sememangnya positif di dalam menjadi contoh kepada generasi belia yang lain menerusi penglibatan mereka.

Beta mahu golongan belia yang tercicir dalam pembelajaran akibat masalah kemiskinan juga perlu diberi perhatian. Latihan kemahiran dan teknikal menurut bidang yang sesuai dengan pasaran buruh semasa sedang disediakan melalui kursus jangka pendek dan jangka panjang bagi memberi peluang kepada belia untuk bersaing mencari peluang pekerjaan di pasaran terbuka.

Bagi merangsang budaya kepimpinan di kalangan belia, kerajaan negeri Beta telah memulakan program penggerak belia tempatan. Objektif umumnya ialah untuk memantapkan institusi belia di Negeri Selangor serta membentuk kepimpinan yang dinamik supaya ianya sejajar dengan ketetapan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju. Khususnya, ini memberi peluang dan ruang kepada golongan belia untuk menyumbang ke arah pembangunan komuniti dan masyarakat setempat. Ia juga berfungsi sebagai platform untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan sedia ada dan sebagai medium perantaraan di antara golongan belia dengan kepimpinan tertinggi kerajaan.

Selain daripada itu, belia sendirilah yang akan menggerakkan program-program / aktiviti-aktiviti belia, dan ini akan mendorong para belia untuk aktif berpersatuan dan seterusnya dapat mengurangkan risiko terlibat dalam gejala sosial. Harapan Beta ialah agar penubuhan dan pelaksanaan penggerak belia tempatan dapat mencapai matlamat dan misi kerajaan negeri untuk memantapkan institusi belia di Negeri Selangor serta membentuk kepimpinan yang dinamik supaya ianya sejajar dengan ketetapan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju. Program ini akan dilancarkan pada bulan April 2009.

Beta berbangga dengan pencapaian skuad Merah Kuning dalam sukan bola sepak tempatan. Semangat juang untuk negeri tercinta perlu disemat dalam sanubari dalam mengembalikan kegemilangan bola sepak Selangor agar digeruni dan disegani pasukan lain. Beta berharap dan mencabar pengurusan dan atlet Selangor untuk merangkul kejuaraan dalam Piala Malaysia tahun ini.

Sekarang Beta mahu menyentuh sedikit peranan Ketua Kampung dalam sesebuah kampung. Peranan Ketua Kampung sangat penting dalam usaha menyampaikan dasar-dasar kerajaan di peringkat akar umbi agar matlamat sebenar dasar-dasar tersebut dapat tercapai sepenuhnya sepertimana yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. Beta maklum Selangor mempunyai tiga ratus enam puluh lima (365) Ketua Kampung Tradisional dan tujuh puluh lapan (78) Ketua Kampung Baru/Bagan/Tersusun. Secara umumnya tugas Ketua Kampung adalah bertanggungjawab ke atas kemajuan dan keselamatan kampung yang dipimpin. Mereka perlu menggalakkan semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan penduduk tanpa ada perbezaan di samping memberikan bantuan dan kerjasama kepada pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan tugas di dalam kampung. Sehubungan itu, kebajikan dan keperluan asas mereka perlu diberi perhatian agar dapat menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat dengan cemerlang.

Seterusnya, Beta suka mengingatkan kepada pimpinan kerajaan Beta supaya mengamalkan sikap berjimat-cermat dan membelanjakan wang rakyat sebaik-baiknya. Biarlah setiap sen yang kita belanjakan memberikan keuntungan kepada rakyat dan

bukannya kepada segelintir manusia yang rakus “menanggung di air yang keruh”. Ini kerana Beta amat bimbang kelembapan ekonomi yang teruk akan memberi kesan langsung kepada rakyat Beta.

Kerajaan negeri Beta juga mesti memastikan bahawa setiap Ringgit yang dibelanjakan dengan sebaiknya untuk manfaat rakyat. Misalnya, Beta dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedang melalui proses penstrukturan semula industri air bagi memastikan orang ramai mendapat manfaat sepenuhnya. Walaupun Kerajaan Persekutuan yang telah memulakan langkah ini, proses perundingan dan jumlah akhir yang dipersetujui bagi pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi adalah teramat-amatlah penting bagi menentukan perbelanjaan kerajaan dan seterusnya.

Beta amat bersyukur kerana negeri Beta masih berada dalam keadaan kewangan negeri yang kukuh. Anggaran hasil kerajaan negeri Beta yang dikutip adalah kira-kira Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Empat bilion (RM1.4 bilion) pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak empat perpuluhan empat lapan peratus (4.48%) berbanding anggaran hasil 2008 yang berjumlah Ringgit Malaysia Satu Perpuluhan Tiga Empat bilion (RM1.34 bilion). Daripada jumlah peruntukan ini, Ringgit Malaysia Enam Ratus Lapan Puluh Sembilan Perpuluhan Empat juta (RM689.4 juta) diperuntukkan bagi belanja mengurus dan Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Sepuluh Perpuluhan Enam juta (RM710.6 juta) bagi belanja pembangunan. Dengan yang demikian, belanja mengurus dan belanja pembangunan pada tahun 2009 adalah pada nisbah yang hampir seimbang.

Kerajaan Beta meletakkan harapan yang tinggi kepada PBT selaku jentera pelaksana utama bagi melaksanakan dasar dan polisi pembangunan khususnya untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Beta mengharapkan pembangunan perbandaran yang efisien dan mampan di samping pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing. Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti perlu disediakan serta mewujudkan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti.

Dalam hal ini, Beta tetap menasihatkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT terus memberi tumpuan kepada tanggungjawab asasnya iaitu dengan menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih dan indah, pengurusan sampah yang cekap, pemetongan rumput dijalankan secara berjadual serta lampu-lampu jalan yang sentiasa berfungsi. PBT perlulah pantas mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima dan sentiasa bersikap inovatif dan proaktif dalam melaksanakan sebarang perubahan dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatannya.

Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, isu tempat pelupusan sampah menjadi isu yang hangat diperkatakan dan perlu diselesaikan. Kerajaan Beta berusaha terus untuk memantau usaha-usaha meningkatkan kualiti pelupusan sisa pepejal di Negeri Selangor. Beta difahamkan satu tapak pelupusan sampah yang baru akan dibuka iaitu Tanjung Dua Belas *Sanitary Landfill* di Kuala Langat yang dijangka siap pada Jun 2009 bagi menampung pembuangan sisa pepejal yang meningkat setiap tahun. Selain itu, bagi mengurangkan masalah pembuangan sisa pepejal ini sebuah *transfer station* di Seksyen 21, Shah Alam diharap dapat beroperasi di samping memastikan kerja-kerja menaiktarafkan tapak *dumpsite* Pancang Bedena dilaksanakan pada tahun ini. Justeru itu, Beta suka

menasihatkan PBT membuat kerja-kerja penyelenggaraan tapak-tapak pelupusan diteruskan dalam mengurangkan aduan penduduk.

Banyak kempen-kempen kitar semula telah gagal mencetuskan minat yang mendalam di kalangan pemimpin dan rakyat. Ini bukannya bermakna isu kitar semula patut dihentikan. Malah, konsep asas bagi memastikan persekitaran yang mampan mestilah diterapkan dalam cara operasi peniaga dan pengguna. Kerajaan Negeri mestilah meningkatkan penyediaan tong-tong kitar semula, mendidik pengutip sampah bahawa pengasingan sampah adalah wajib, di samping menyedarkan orang ramai tentang kepentingan pengasingan dan kitar semula sampah. Pembangunan yang mampan adalah penting untuk masa depan negeri Beta. Dalam jangka masa panjang, Beta berharap usaha pemeliharaan tenaga dan sumber tenaga alternatif diambil serius oleh Kerajaan Negeri.

Sudah tiba masanya kini Kerajaan Negeri memikirkan secara serius bagi membersihkan Sungai Klang, yang meliputi Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Projek jangka masa panjang mestilah dipertimbangkan, di mana pembersihan menyeluruh dilaksanakan. Ini mungkin memakan masa sepuluh hingga dua puluh tahun, sepertimana pembersihan sungai yang pernah dijalankan di seluruh dunia. Beta mahukan Sungai Klang yang mampu menjadi kelebihan utama kepada Negeri Selangor. Bagi menjana pembangunan hartanah, meningkatkan pelancongan menerusi kemudahan rekreasi dan santai di tebing-tebing sungai, mempertingkatkan mutu alam sekitar sungai dan akhirnya mengurangkan beban pengangkutan yang menjadi masalah utama di Selangor masa ini. Semua agensi seharusnya bekerjasama bagi mencari penyelesaian yang sesuai. Dengan sikap yang positif dan ketegasan undang-undang, ia bukannya mustahil – walaupun projek sebesar ini.

Pembangunan pengangkutan perbandaran sememangnya masalah utama yang menjejaskan kualiti kehidupan rakyat Beta di Selangor khususnya di Lembah Klang. Kekurangan sistem yang diselaraskan telah menyusahkan rakyat. Beta mahu kita mengurangkan kadar pengangkutan awam-persendirian daripada 10-90 sekarang kepada 50-50, dengan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Kerajaan Persekutuan dan Negeri mestilah bekerjasama dalam melahirkan sistem awam yang lebih efisien. Salah satu matlamat yang boleh dipertimbangkan ialah melahirkan “Modul Pengangkutan Satu Jam”. Dengan ini, setiap tempat di Selangor boleh dicapai dalam masa satu jam. Justeru, kita mestilah melihat pengangkutan awam merangkumi rangkaian yang mengintegrasikan bas, rel dan teksi. Ruang lingkupnya mestilah meluas dan diselaras dengan baik, dengan kekerapan yang lebih. Pengoperasi pengangkutan awam yang bertambah juga boleh membantu dengan konsolidasi dan penyeliaan undang-undang yang lebih baik.

Bagi mencapai matlamat ini, sebuah rombakan menyeluruh perlu dipertimbangkan bagi sistem pengangkutan awam Selangor. Kita memerlukan sistem perundangan yang lebih baik yang akan menyokong penambahbaikan untuk pengangkutan awam. Sebuah *task force* pengangkutan awam mungkin boleh dibentuk bagi memperbaiki perancangan dan operasi pengangkutan awam di Selangor. Adalah penting untuk melibatkan semua pihak dalam proses ini, seperti profesional pengangkutan awam, pengoperasi bas, ahli akademik, masyarakat madani dan pengguna. Pihak Berkuasa Tempatan juga mestilah bertanggungjawab melengkapkan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Dalam hal pembangunan institusi masjid dan surau, Beta amat berharap kecekapan sistem pentadbiran hal ehwal Islam dan prasarana ibadah serta pendidikan dapat terus ditambah baik. Institusi-institusi seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) akan dimantapkan seterusnya meningkatkan kecekapan pengurusan dan pembangunan harta Baitulmal. Pentadbiran dan Pengurusan Pejabat Agama Islam Daerah di seluruh Negeri Selangor akan diperkasakan melalui pembinaan Kompleks Islam yang serba lengkap dan kondusif.

Beta juga dengan sukacitanya mengambil kesempatan ini menyeru kerajaan negeri menyokong usaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memastikan penyaluran wang syubhah daripada mana-mana orang dan syarikat-syarikat yang beroperasi di Selangor ke akaun Baitulmal, MAIS. Wang syubhah ialah wang yang dihasilkan daripada aktiviti yang tidak diketahui status halal atau haram dan bercampur dengan perkara yang dilarang oleh syariah. Pengumpulan wang syubhah oleh MAIS ini akan digunakan untuk kepentingan umum masyarakat seperti pembinaan kemudahan awam yang manfaatnya kepada orang Islam dan juga bukan Islam. Keputusan untuk menyalurkan wang syubhah ini ke akaun Baitulmal telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Kebangsaan Pada 19 Februari 2009 dan Majlis Penasihat Syariah (MPS). Suruhanjaya Sekuriti juga telah menyenaraikan Baitulmal sebagai badan penerima wang syubhah di dalam “Senarai Sekuriti Patuh Syariah Oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti” bertarikh 20 November 2008.

Beta amat bersyukur kerana infrastruktur masjid kita antara yang terbaik dan selesa. Beta dimaklumkan sehingga ini Negeri Selangor mempunyai tiga ratus enam puluh sembilan (369) buah masjid bertambah sepuluh (10) buah berbanding tahun lalu serta kemudahan seribu lapan ratus tujuh puluh (1,870) buah surau bagi memenuhi keperluan beribadat. Beta mahu pelbagai aktiviti dirancang dan dilaksanakan dengan menyediakan program-program mengimarahkan masjid seperti menyediakan kelas-kelas agama dan ceramah agama bagi menarik lebih ramai jemaah hadir ke masjid-masjid berhampiran.

Selangor merupakan contoh kepada masyarakat majmuk yang wujud di Malaysia. Malaysia pula mewakili masyarakat antarabangsa. Dilihat dari sudut ini, Kerajaan Negeri Selangor mestilah memberi gambaran yang sebenar tentang Islam termasuk kepada masyarakat bukan Islam.

Selaras dengan kemajuan Negeri Selangor Beta mahu penggunaan ICT terus diperkasakan dan dimantapkan melalui peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkonsepkan “bila-bila masa, di mana jua” melalui usaha:-

- Meningkatkan capaian pengguna kepada Sistem Kerajaan melalui Aplikasi-Aplikasi ‘*Online*’;
- Mempelbagaikan kaedah pembayaran hasil melalui Internet *Banking*
- Mempelbagaikan hasil melalui beberapa aplikasi seperti Tender *Online*;

- Mempelbagaikan medium capaian maklumat melalui teknologi multimedia dan alat komunikasi seperti Portal, Web TV/Radio, Emel Dan SMS; dan
- Memperkasakan infrastruktur rangkaian dan keselamatan capaian *internet*.

Selain itu, Beta mahu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dipertingkatkan. E-kerajaan merupakan alat utama bagi mengurus pelbagai data dan urusan cabaran semasa melalui penyediaan perkakasan, perisian dan sumber tenaga manusia. Kemudahan kebolehcapaian seperti *broadband* akan terus ditingkatkan sekurang-kurangnya ke tahap apa yang ada di negeri maju tanpa mengira jurang penempatan, pendapatan dan usia. Di samping itu, aspek kualiti seperti integrasi, fleksibiliti pengurusan data dan keupayaan menganalisis segala aplikasi yang telah dan sedang dilaksanakan perlu ditingkatkan supaya berupaya menjadi sebahagian dari *Decision Support System (DSS)* yang berkesan kepada pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Beta berharap usaha-usaha dapat memupuk nilai kemasyarakatan dan sikap yang mengiktiraf kepentingan sains dan teknologi serta keperluan pembelajaran secara berterusan selari dengan pencapaian matlamat pembangunan Negeri Selangor.

Beta mahu tadbir urus dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor diperkasakan. Tadbir urus mempunyai perkaitan secara langsung dengan kecekapan dan keberkesanan, kepuasan pelanggan dan integriti kerajaan Beta. Justeru ukuran prestasi utama dalam aspek seperti kecekapan, keberkesanan, daya saing, integriti, ketelusan dan akauntabiliti perlu menjadi ukuran bagi menentukan tahap tadbir urus.

Pada tahun 2007, Indeks Persepsi Rasuah *Transperency International* bagi Malaysia ialah lima persepuluhan satu (5.1) iaitu berada pada kedudukan ke empat puluh tiga (43) terbaik dari seratus lapan puluh (180) buah negara. Walaupun indeks ini mengukur hanya persepsi atau pandangan mengenai rasuah, namun ia penting kerana mengukur pandangan orang luar terhadap negara kita.

Sebagai perbandingan, Singapura mempunyai indeks sembilan persepuluhan tiga (9.3) iaitu berada pada kedudukan ke empat terbaik. Ada juga beberapa indeks lain seperti *the United Nations Human Development Index*, *The Open Budget Index*, dan lain-lain lagi. Indeks-indeks ini memberi gambaran sama ada kita mengamalkan tadbir urus yang baik atau tidak. Beta berharap semua di dalam Kerajaan Negeri Selangor mesti tegas mempromosikan nilai-nilai tadbir urus yang akhirnya memenangkan rakyat, integriti, kebertanggungjawaban awam dan akses kepada maklumat dengan segala daya upaya mereka.

Beta mahu sistem tadbir urus merangkumi tadbir urus tanah, pengurusan ICT yang cekap, tadbir urus bandar serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sistem tadbir urus sering dilabelkan dengan karenah birokrasi, salah guna kuasa, rasuah, ketirisan, nepotisme, kronisme, kurang sokongan kemudahan ICT, terlalu banyak menggunakan budi bicara dalam membuat keputusan, aduan awam yang tidak mendapat layanan sewajarnya, piagam pelanggan yang tidak dihormati dan sebagainya.

Beta juga mahu lihat penambahbaikan tadbir urus tanah dilaksanakan dengan lebih cekap dan cepat bagi memastikan transaksi dapat dilaksanakan. Justeru itu,

penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memperbaiki tadbir urus seterusnya rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang cekap dan efisien.

Beta juga merasakan bagi menambah baik tadbir urus di Negeri Selangor, pandangan rakyat harus diambil kira. Apakah gunanya Kerajaan Negeri Beta melancarkan Merakyatkan Ekonomi Selangor jika pandangan rakyat tidak diberikan tempat sewajarnya? Oleh itu, proses perbincangan awam seharusnya diperbanyakkan untuk setiap keputusan dan kerangka utama pembangunan negeri. Masyarakat madani di negeri-negeri maju menyumbang secara aktif kepada pembangunan masyarakat, dan ini sewajarnya menjadi kebiasaan di Selangor. Beta dengan ini menyokong usaha kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan masyarakat madani untuk mencapai objektif bersama. Kerajaan negeri Beta mesti cuba menggunakan kepakaran yang ada pada pihak-pihak ini dalam objektif memajukan Negeri Selangor.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan ini, Beta ingin menegaskan bahawa melalui pemerhatian serta pembacaan Beta, Beta dapati sejak kebelakangan ini telah banyak berlaku insiden-insiden yang melibatkan perbalahan yang dicituskan oleh segolongan kelompok masyarakat dan demonstrasi-demonstrasi jalanan yang telah menjejaskan keamanan, keharmonian serta perpaduan kaum di Negara yang kita cintai ini. Justeru itu Beta ingin menyeru kepada semua pihak agar memberhentikan segala tindak-tanduk yang boleh menjejaskan imej Negara ini dan menumpukan perhatian ke arah memupuk perpaduan yang erat di kalangan semua kaum. Sikap hormat-menghormati di antara kaum di Negara ini perlulah sentiasa diamalkan bersama bagi menjamin perpaduan yang erat di kalangan masyarakat dan melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu.

Beta juga ingin menyeru kepada semua pihak khususnya rakyat di Selangor agar menghormati sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Undang-Undang Negara serta akur kepada setiap peruntukan yang telah sedia termaktub di bawah undang-undang berkenaan. Janganlah hendaknya ada pihak yang menyalah tafsir peruntukan undang-undang tersebut ke arah kepentingan dan manfaat sesuatu golongan tertentu sahaja. Kita perlu sentiasa mengangkat martabat Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Undang-Undang Negara ke tahap tertinggi mengatasi segala kepentingan peribadi dan politik masing-masing. Beta yakin kita semua akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup sekiranya sikap hormat-menghormati antara kaum dan mematuhi undang-undang dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai Ahli Dewan Negeri yang mulia ini hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri semasa bersidang supaya perjalanan sidang Dewan Negeri berjalan dengan teratur dan sempurna, serta dengan penuh rasa hormat-menghormati antara satu dengan lain tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing. Ini adalah kerana, matlamat setiap ahli Dewan Negeri adalah sama iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik demi kebajikan rakyat dan negeri.

Sebagai ahli Dewan Negeri bagi Negeri Selangor yang merupakan sebuah negeri maju dan bertamadun, apa jua tindakan dan perlakuan ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa menarik perhatian umum. Oleh yang demikian, ahli-ahli Yang Berhormat seharusnya mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan dan perlakuan ahli-ahli Yang

Berhormat agar ianya menjadi contoh kepada masyarakat umum dan mencerminkan ketamadunan dan kemajuan Negeri ini.

Keputusan-keputusan yang dibuat oleh ahli-ahli Yang Berhormat juga hendaklah disampaikan secara telus kepada rakyat supaya rakyat dapat memahami rasional di sebalik keputusan tersebut.

Beta menaruh harapan agar ahli-ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama sebagai satu pasukan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negeri yang kita cintai ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga hendaklah sentiasa menghormati kedaulatan undang-undang dan memastikan segala tindakan dan keputusan yang diambil adalah tidak bercanggah dan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan undang-undang lain yang berkuat kuasa.

Beta merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk angkatan tentera, polis dan bomba yang telah berusaha siang dan malam bagi menjamin kemajuan, kemakmuran dan keselamatan rakyat di negeri yang dikasihi ini. Ucapan Tahniah dan Selamat Maju Jaya Beta tujukan kepada Memanda Beta, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid Bin Ibrahim, dalam usaha memandu kerajaan Beta serta semua Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun ini. Sebagai Raja Pemerintah Negeri, Beta memberi titah nasihat kepada Memanda Beta, Dato' Menteri Besar semoga bertugas dengan lebih tekun, gigih dan terus berusaha mempertahankan Negeri Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia dan sentiasa di hadapan sepanjang masa.

Akhirnya, Beta berdoa semoga Negeri Selangor dan seluruh rakyat Beta terus mendapat perlindungan Allah dan sentiasa dilimpahi rahmat-Nya supaya rakyat Beta bersama berusaha menjamin keamanan dan kemakmuran yang dapat diwariskan kepada anak-anak dari generasi ke generasi. Beta turut berharap semua perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam memastikan matlamat Selangor sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera Dan Berkeadilan, tercapai.

“Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta Mengucapkan Selamat Bersidang Di Dewan Yang Mulia Ini”.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

IV. PENANGGUHAN

TUAN SPEAKER : Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari Rabu 11 Mac 2009, jam 10.00 pagi.

V. BACAAN DOA SELAMAT OLEH SAHIBUS SAMAAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI NEGERI SELANGOR

SETIAUSAHA DEWAN : Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

(Bacaan doa selamat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor)

SETIAUSAHA DEWAN : Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin dan dif-dif jemputan sekalian untuk ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex, Bangunan Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.55 pagi